

KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM PENGAJARAN

SARANAN pihak kementerian untuk menekankan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dalam pengajaran merupakan tanggungjawab yang sangat berat yang perlu dilaksanakan oleh guru. Tanggungjawab ini perlu dipikul untuk mencapai hasrat melahirkan murid yang mampu berdaya saing pada peringkat global.

KEMAHIRAN berfikir secara kreatif bermaksud kebolehan mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea baharu dan asli, manakala kritis bermaksud tidak dengan begitu sahaja menerima atau mempersetujui sesuatu dan akan menimbang buruk baik sesuatu perkara terlebih dahulu, bersifat mengkritik atau tidak menerima sesuatu perkara secara bulat-bulat.

Penekanan kemahiran ini juga bertujuan melahirkan generasi yang mampu menaakul menggunakan logik dan rasional bagi meningkatkan kebolehan untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Kepayahan untuk melaksanakannya menjadi lebih mencabar apabila hasrat untuk merealisasikannya bukan hanya satu kemahiran yang perlu diajar, tetapi

sebagai kemahiran yang dibudayakan dalam pembelajaran di sekolah dan menggantikan budaya lama yang menekankan kemahiran mengingat dan menghafal. Oleh hal yang demikian, guru perlu lebih teliti untuk membuat perancangan bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dan mencapai objektif kemahiran berfikir yang ingin diterapkan oleh guru.

Oleh itu, bagaimanakah guru dapat mengesan muridnya sama ada boleh ataupun sedang berfikir? Pengajaran yang baik akan berjaya mengubah tingkah laku murid.

dijadikan alternatif untuk memastikan semua ahli aktif atau guru boleh menggunakan teknik ganjaran untuk menggalakkan murid lebih aktif dalam kumpulan. Pendekatan koperatif juga menekankan bahawa sebelum aktiviti kumpulan dijalankan guru digalakkan menjalankan aktiviti membina semangat setia kawan dalam kumpulan.

Jika pelan kontingensi juga membuahkan hasil yang tidak seperti yang diinginkan maka dengan secara tidak langsung objektif pembelajaran kadangkala sukar dicapai dan kemahiran berfikir tidak dapat ditingkatkan, maka guru perlu bersedia untuk merancang pengulangan pembelajaran yang sama dengan aktiviti dan langkah serta pendekatan yang berbeza. Pengulangan ini mungkin dilakukan di luar jadual persekolahan, semasa kelas tambahan atau memanfaatkan masa terluang ketika menggantikan guru yang tidak hadir. Usaha ini memerlukan pengorbanan guru dan kesediaan murid untuk mengulangi pembelajaran tersebut. Namun begitu, perkara ini mungkin jarang-jarang berlaku kerana pengajaran guru untuk kemahiran yang sama pernah dijalankan dalam kelas lain atau pada

tahun sebelumnya. Oleh itu, pengalaman lalu sangat penting untuk merancang pengajaran terutama yang melibatkan aktiviti dan penyampaian isi pelajaran yang baharu kepada murid.

Kemahiran berfikir bukanlah isi pelajaran yang ingin disampaikan, tetapi isi pelajaran yang disampaikan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berfikir murid dan menambah pengetahuan murid. Walau bagaimanapun, dalam setiap pengajaran perkembangan murid perlu diperhatikan. Oleh itu, bagaimanakah guru dapat mengesan muridnya sama ada boleh ataupun sedang berfikir? Pengajaran yang baik akan berjaya mengubah tingkah laku murid. Oleh itu, antara cara yang dapat mengesan kemahiran berfikir murid adalah dengan melihat hasil kerja murid. Hasil kerja melalui perbincangan atau tugas dapat dijadikan bukti murid sedang berfikir kerana kebolehan berfikir akan dijemakan dalam bentuk tulisan dan lisan.

Catatan dalam bentuk nota ringkas atau melalui pengurusan grafik seperti peta minda, peta iThink, Icgawa sememangnya sesuai untuk melakar hasil perbincangan. Pengurusan grafik ini merupakan alat untuk membantu murid untuk berfikir selain teknik penyolaan. Maka itu, galakan untuk murid menggunakan pengurusan grafik perlu dilakukan dengan ruang lakaran seperti kertas sebak dan pen pelbagai warna sebagai rangsangan berfikir dan menambah minat dan keceriaan lakaran mereka. Melalui lakaran pengurusan grafik ini, guru dapat melihat murid berfikir seperti mencirikan, membanding beza dan mengklasifikasikan pelbagai kreativiti.

Alat bantu mengajar berbentuk elektronik juga dapat digunakan untuk merangsang kemahiran berfikir. Kadangkala penggunaannya lebih berkesan daripada penggunaan kertas sebak yang hanya digunakan secara pakai buang. Alat elektronik seperti komputer dan paparan hablur cecair [*liquid crystal display (LCD)*] sangat sesuai digunakan untuk dijadikan alat bantu mengajar. Sebagai contoh, alat bantu mengajar ini membolehkan video atau audio pilihan daripada Youtube



ditayangkan untuk merangsang murid belajar di kelas dengan mudah.

Namun demikian, guru perlu membuat perancangan dan membuat suntingan video supaya bersesuaian dengan isi pembelajaran dan aktiviti yang dijalankan bagi meningkatkan kemahiran berfikir murid. Tayangan video pilihan sebagai rangsangan yang dijalankan biasanya di kelas, makmal bahasa atau makmal komputer. Kini, dunia serba canggih dan peranti teknologi perhubungan ini mampu dimiliki oleh murid, maka bahan video ini boleh disalurkan kepada murid secara maya dalam medium seperti WhatsApp, telegram atau melalui platform pembelajaran seperti Google Classroom. Tontonan boleh dibuat oleh murid

sebelum pembelajaran bermula sebagai persediaan dan mampu diulang pada bila-bila masa yang sesuai.

Tugasan murid yang disediakan melalui aktiviti dalam kelas, perlu dibantu supaya murid berjaya membuat penemuan pelbagai cara penyelesaian yang menarik dan berbeza dari kelaziman. Penerokaan tentang kaedah baharu perlu digalakkan dan guru tidak menetapkan prosedur yang tertentu untuk dituruti oleh murid. Prosedur dan langkah hanya dijadikan panduan, tetapi kreativiti digalakkan supaya kemahiran berfikir berkembang melalui aktiviti yang dijalankan.

Pengajaran dan pembelajaran untuk sesebuah mata pelajaran tertentu seharusnya dikaitkan dengan kehidupan harian murid. Pengetahuan sedia ada melalui pengalaman kehidupan harian murid membantu mereka untuk mudah memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru dengan cepat dan yang paling penting pengalaman ini membantu mengasah pemikiran murid ke arah lebih kreatif dan kritis.

Contohnya, tajuk "mata wang" bagi mata pelajaran Matematik dapat mengambil pengalaman murid semasa berhadapan dengan juruwang ketika membeli-belah di pasar raya untuk



Rangsangan guru melalui pelbagai aktiviti dalam kelas mampu meningkatkan kemahiran berfikir murid.

dijadikan aktiviti pembelajaran. Aktiviti simulasi membayar bil di kaunter bayaran dapat dijalankan dalam kelas bagi tujuan menjalankan pembelajaran secara praktikal menggunakan wang. Kemahiran berfikir di sini wujud apabila murid membanding beza kebaikan dan keburukan menjalankan pembayaran dengan menggunakan wang tunai atau melalui pembayaran elektronik. Persediaan guru untuk menyediakan cabaran bagi aktiviti ini perlu dibuat dengan baik supaya setiap kumpulan berjaya menguasai isi pelajaran, di samping mengasah kemahiran berfikir yang bersesuaian. Namun demikian, perkara yang penting semasa guru merancang guru perlu memastikan aktiviti tersebut bersesuaian dengan standard pembelajaran yang ditetapkan.

Isi pelajaran yang dipelajari bukanlah pengetahuan yang hanya berdiri sendiri. Seharusnya isi pelajaran yang disampaikan oleh guru perlu dikaitkan dengan mata pelajaran lain. Perkaitan tersebut seharusnya dilakukan semasa guru menyampaikan isi pelajaran mereka. Persediaan untuk tujuan tersebut perlu mendapat rujukan daripada rakan guru yang berlainan subjek. Perkaitan ini penting supaya

murid berasa setiap mata pelajaran itu penting dan bukan hanya dipelajari untuk lulus peperiksaan. Sebagai contohnya, penulisan karangan tentang pencemaran alam sekitar dipelajari oleh murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dalam penulisan karangan ini murid boleh mengaitkan pengetahuan mereka dalam mata pelajaran Sains dengan memasukkan kesan pencemaran terhadap kesihatan orang ramai. Penulisan murid juga boleh memasukkan peranan yang perlu dijalankan oleh orang ramai supaya lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar seperti yang ditekankan dalam mata pelajaran Sivik.

Oleh sebab itu, tugas merealisasikan pengajaran yang menerapkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid memerlukan guru untuk lebih bersedia dengan membuat perancangan yang teliti sebelum menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Perancangan guru sememangnya dijalankan apabila guru menyediakan rancangan pembelajaran tahunan. Namun demikian, perancangan pembelajaran harian lebih penting kerana kejayaan pengajaran hari ini menjamin kemenjadian murid pada esok hari. **PB**